

JDT perlu teruskan usaha lakar kejayaan lebih besar

Johor Darul Takzim (JDT) gah ke suku akhir kejohanan Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) selepas menang bergaya dengan membelasah kelab dari Myanmar, Ayeyawady United 5-0 dalam aksi pusingan 16 terakhir Piala AFC baru-baru ini, di Stadium Tan Sri Hassan, Larkin.

Pesta gol JDT bermula apabila rembatan kapten pasukan JDT, Syafiq Rahim dalam kotak penalti terus ke gawang gol hasil hantaran cantik satu dua dengan penyerang import dari Argentina, Jorge Pereyra Diaz pada minit kedua perlawanan. Serangan demi serangan dilakukan JDT namun nasib tidak menyebelahi pasukan itu sehingga tamat separuh masa pertama.

Bermula separuh masa kedua, kelab dari Malaysia itu membuktikan kepada pencabar lain bahawa pasukan itu patut dipandang tinggi apabila Luciano Figueroa menyumbat gol kedua buat tuan rumah juga hasil hantaran penyerang sensasi JDT, Di-

az. Tuan rumah dilihat seperti harimau kelaparan, apabila Diaz menceriaikan tuan rumah dengan jaringannya pada minit ke-60.

Pasukan lawan tertekan

Tersentak dengan jaringan itu, pasukan lawan seakan-akan tertekan dan mengasak pasukan tuan rumah melalui rangkaian penyerangnya. Namun, kekentalan barisan pertahanan JDT yang diketuai oleh Marcos Antonio dan Junior Eldstal dilihat sukar untuk ditembusi pasukan lawan.

Sebaliknya, Diaz yang baru tiba di Johor Sabtu lalu, membuktikan bahawa penyudahnya masih ditagih oleh penyokong tuan rumah apabila tandukan cantiknya menggegarkan jaring pasukan lawan hasil sepakan sudut pada minit ke-74 yang diambil oleh kapten pasukan JDT. Kelab yang digelar Harimau Selatan itu terus menambah derita pasukan pelawat apabila Figueroa menyumbat gol ke-2 peribadinya dengan menanduk masuk menewaskan penjaga



Diaz mengelecek beberapa pemain Ayeyawady United pada perlawanan Piala AFC di Stadium Tan Sri Hassan Yunos Larkin, di Johor Bahru.

[FOTO BERNAMA]

gol pasukan pelawat pada masa kecederaan.

Kembalinya semula penyerang import muda dari Argentina itu, dilihat banyak memberi impak positif kepada pasukan JDT serta membuat barisan pertahanan lawan tidak duduk senang dalam perlawanan itu. Terutamanya apabila menyumbang dua gol serta melakukan bantuan gol kepada rakan sepasukan. Kemasukan beliau banyak mengukur-

kacirkan pertahanan lawan dengan kemahiran mengelecek yang menarik.

Dengan keputusan itu, menunjukkan bahawa JDT mempamerkan corak permainan yang baik dan adalah pasukan yang mantap ketika ini. Mungkin kemenangan itu sekali lagi mengesahkan tanggapan bahawa Juara Liga Super 2014 ini berada di puncak prestasi kerana dibarisi pemain yang berpotensi dan berpengalaman se-

perti Syafiq Rahim, S Kunalan, Mahali Jasuli dan Amri Yahya.

Pujian harus diberikan kepada barisan pemain JDT kerana memberi komitmen yang tinggi serta memanfaatkan peluang menjaringkan gol untuk melayakkan mereka ke pusingan suku akhir. Harimau Selatan seharusnya mengekalkan prestasi yang sedemikian dan konsisten dalam setiap perlawanan jikalau mahu mencabar kejuaraan.

Semestinya dengan jaringan besar 5-0 ke atas kelab Myanmar ini mengembirakan penyokong khususnya ketua jurulatih JDT, Mario Gomez yang menerapkan taktikal menarik dengan menggandingkan dua penyerang import dari Argentina, Figueroa dan Diaz sambil dibantu Nazrin, Amri dan Syafiq. Ternyata pengalaman beliau yang luas tidak disiasikan begitu sahaja namun diperguna sebaiknya untuk mengharumkan lagi nama JDT.

Apa pun, kita sebagai penyokong menaruh harapan bahawa JDT dapat meneruskan persembahan yang konsisten untuk terus melakar kejayaan lebih besar dalam kejohanan AFC kali ini.

Wan Ahmad Bukhari Razali,
Universiti Sains Islam Malaysia